



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Pada hari ini telah berlangsungnya Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis Perbandaran Selayang melibatkan 5 zon berkuatkuasa 2 September 2020 sehingga 31 Disember 2022. Ahli Majlis yang dilantik adalah seperti berikut:

AHLI MAJLIS	
<b>Tuan Anuar bin Jasmin</b> Ahli Majlis Zon 4	Umur: 41 tahun Parti : PKR Pekerjaan: Pegawai Bank di RHB Bank
<b>Puan Ruhanah binti Masruki</b> Ahli Majlis Zon 5	Umur: 43 tahun Parti : PKR Pekerjaan: Eksekutif di MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
<b>Tuan Muhammad Syamsuzzaman bin Mohd Suhaimi</b> Ahli Majlis Zon 9	Umur: 31 tahun Parti : DAP Pekerjaan: Pengarah Urusan, Dikcik Flagship Enterprise
<b>Puan Salasiah binti Disa</b> Ahli Majlis Zon 19	Umur: 57 tahun Parti : PKR Pekerjaan: Pegawai Khas, Ahli Parlimen Selayang
<b>Tuan Ranjan bin Che Ros</b> Ahli Majlis Zon 20	Umur: 59 tahun Parti : AMANAH Pekerjaan: -

Untuk makluman, pelantikan pada hari ini telah menjadikan Ahli Majlis MPS adalah seramai 23 orang dan masih terdapat satu lagi kekosongan tempat iaitu bagi Zon 1. Adalah menjadi harapan MPS agar semua Ahli Majlis yang telah dilantik dapat memberikan khidmat bakti, komitmen dengan penuh dedikasi dalam menjalankan tugas kepada komuniti di kawasan zon masing-masing.

Dalam majlis yang sama juga, turut diadakan Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan sebagai Timbalan yang Dipertua (TYDP) MPS oleh Tuan Ir Hj. Cheremi bin Haji Tarman berkuatkuasa pada 15 Oktober 2020.

Beliau yang kini berumur 56 tahun dan mempunyai pengalaman kerja selama hampir 32 tahun bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah merupakan Mantan Timbalan Setiausaha di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Beliau juga turut memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Kejuruteraan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan pernah juga berkhidmat di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan memegang jawatan yang sama pada tahun 2013.

MPS berharap dengan pelantikan Timbalan yang Dipertua MPS dan Ahli-Ahli Majlis MPS yang baharu ini dapat memperkasakan pentadbiran dan sistem penyampaian MPS dengan lebih cemerlang.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Majlis Perbandaran Selayang

B/P:

Yang Dipertua MPS

28 Oktober 2020